PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQs) BAGI INDUSTRI E-DAGANG

(DIKEMASKINI PADA 22 DISEMBER 2023)

Bil	Soalan	Maklum balas
1.	Apabila penjualan atau transaksi telah dilakukan antara penjual dan pembeli melalui platform e-Dagang, pihak manakah (penyedia platform / penjual) yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois kepada pembeli?	Penyedia platform e-Dagang yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan: i. e-Invois (atas permintaan); atau ii. resit (jika tiada permintaan e-Invois) kepada pembeli untuk transaksi yang dilakukan melalui platform e-Dagang. Penjual tidak lagi perlu mengeluarkan e-Invois atau resit kepada pengguna. Berkaitan item (ii), di mana pembeli tidak memerlukan e-Invois, penyedia platform e-Dagang dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan bagi transaksi tersebut. Adalah penting bagi penyedia platform e-Dagang perlu memasukkan kod pengkelasan yang terpakai dalam e-Invois tersebut untuk menunjukkan bahawa transaksi tersebut adalah transaksi e-Dagang. Sila rujuk seksyen 3.5 dan 3.6 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk keterangan lanjut.

Bil	Soalan	Maklum balas
2.	Siapakah yang bertanggungjawab (cth., penjual / pembekal perkhidmatan / penyedia platform e-Dagang) untuk mengeluarkan e-Invois bagi merekod pendapatan yang dihasilkan daripada transaksi yang dilakukan melalui platform e-Dagang?	Penyedia platform e-Dagang bertanggungjawab untuk mengambil alih peranan penjual dan mengeluarkan e-Invois bil kendiri untuk merekodkan pendapatan penjual dan / atau pembekal perkhidmatan yang diperoleh daripada transaksi yang dibuat melalui platform e-Dagang. Kekerapan pengeluaran e-Invois bil kendiri adalah mengikut kekerapan semasa pengeluaran invois oleh penyedia platform e-Dagang. Sila rujuk Seksyen 8 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk keterangan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois bil kendiri,
3.	Apakah layanan e-Invois ke atas caj-caj yang dikenakan oleh penyedia platform e-Dagang kepada penjual dan / atau pembekal perkhidmatan bagi penggunaan platform e-Dagang?	Penyedia platform e-Dagang dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk caj-caj yang dikenakan kepada penjual dan / atau pembekal perkhidmatan atas penggunaan platform e-Dagang. Kekerapan pengeluaran e-Invois adalah mengikut kekerapan semasa pengeluaran invois oleh penyedia platform e-Dagang. Sila rujuk seksyen 2.3 dan 2.4 Garis Panduan e-Invois atau seksyen 4.2 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk keterangan lanjut berkaitan pengeluaran e-Invois.
4.	Nombor pengenalan cukai (TIN) yang manakah harus digunakan sebagai TIN penjual sekiranya penjual dan / atau pembekal perkhidmatan adalah penjual asing atau individu di mana TIN tidak tersedia atau tidak diberikan?	Sekiranya penjual asing tidak mempunyai atau tidak mengemukakan TIN, TIN umum "**EI0000000030**" boleh digunakan sebagai TIN penjual dalam e-Invois bil kendiri. Sila rujuk seksyen 10.4 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk keterangan lanjut berkaitan pengeluaran e-Invois bil kendiri.

Bil	Soalan	Maklum balas
5.	Adakah penyedia platform e-Dagang dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan bagi merekod pendapatan yang dihasilkan oleh penjual dan / atau pembekal perkhidmatan daripada transaksi e-Dagang?	Penyedia platform e-Dagang tidak dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan bagi merekodkan pendapatan penjual dan / atau pembekal perkhidmatan yang diperoleh daripada transaksi yang dilakukan melalui platform e-Dagang. Penyedia platform e-Dagang dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois bil kendiri dan bukannya pengeluaran e-Invois yang disatukan. Sila rujuk maklum balas yang diberikan dalam Soalan no. 2 di atas untuk maklumat lanjut. Kekerapan pengeluaran e-Invois bil kendiri adalah mengikut kekerapan semasa pengeluaran invois oleh penyedia platform e-Dagang. Sila rujuk seksyen 8 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk keterangan lanjut berkaitan pengeluaran e-Invois bil kendiri.
6.	Secara amnya, penyedia platform e-Dagang hanya akan melepaskan bayaran yang diterima dari pembeli kepada penjual dan / atau pembekal perkhidmatan setelah mendapat pengesahan penerimaan barang dan/atau perkhidmatan daripada pembeli. Dalam kes ini, bilakah e-Invois perlu dikeluarkan oleh penyedia platform e-Dagang untuk merekodkan pendapatan yang dihasilkan oleh penjual dan / atau pembekal perkhidmatan daripada transaksi e-Dagang?	Penyedia platform e-Dagang dibenarkan untuk mengikut aturan pengebilan semasa. Jika perlu, penyedia platform e-Dagang boleh menjana e-Invois dalam bentuk draf / proforma kepada penjual dan / atau pembekal perkhidmatan. Walau bagaimanapun, hanya e-Invois yang muktamad sahaja perlu dikemukakan kepada LHDNM untuk proses pengesahan.

Bil	Soalan	Maklum balas
7.	Apakah layanan ke atas pelaksanaan e-Invois untuk pemulangan barangan di mana wang dikembalikan oleh penyedia platform e-Dagang kepada pembeli yang terlibat?	Nota Bayaran Balik perlu dikeluarkan oleh penyedia platform e-Dagang untuk merekodkan bayaran balik atas barang yang dikembalikan.
8.	Bolehkah penjual menggabungkan transaksi e-Dagang dan transaksi jualan fizikal di luar talian ke dalam satu e-Invois yang disatukan?	Tanggungjawab dan klasifikasi (seperti yang dinyatakan dalam katalog data e-Invois) adalah berbeza antara transaksi e-Dagang dan transaksi jualan fizikal diluar talian. Oleh itu pengeluaran e-Invois yang disatukan untuk kedua-dua transaksi tersebut tidak digalakkan kerana ia boleh mewujudkan kekeliruan dan menyukarkan pelarasan di masa akan datang.